

U 8 4 3 4 AAB
MAHATHIR - PEMERHATI

KLANG, 26 OGOS (BERNAMA) - PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU TIDAK AKAN MENIMBANGKAN APA-APA CADANGAN DARIPADA KUMPULAN YANG MEMANGGIL DIRI MEREKA +PEMERHATI PILIHANRAYA+ KERANA MEREKA BUKAN MEWAKILI ORANG RAMAI. KATANYA SEBARANG CADAN'GAN KUMPULAN ITU MEWAKILI HANYA PANDANGAN +SEGELINTIR ORANG YANG TIDAK BERPENDIRIAN+ DAN OLEH ITU TIDAK SEPATUTNYA DIAMBIL KIRA.

+SAYA TIDAK MAHU AMBIL TAHU PANDANGAN MEREKA,+ KATANYA SEMASA DIMINTA MENGULAS LAPORAN-LAPORAN AKHBAR MENGENAI SARANAN PEMERHATI PILIHANRAYA SUPAYA KERAJAAN MENIMBANG KEMUNGKINAN MEWAJIBKAN PENDAFTARAN KE ATAS PARA PENGUNDI.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PIN HWA (PERSENDIRIAN) DI SINI, BELIAU BERKATA KUMPULAN ITU BOLEH MEMBERI APA SAJA CADANGAN YANG MEREKA TERFIKXR.

+SAYA TIDAK AKAN MENIMBANGNYA= SEBENARNYA, KUMPULAN INI TIDAK ADA APA-APA KAITAN PUN DENGAN PILIHAN RAYA,+ KATANYA.

SELAIN SARANAN ITU, PEMERHATI PILIHANRAYA JUGA MAHU PARTI-PARTI YANG BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA DIBERI PELUANG YANG SAMA MENGGUNAKAN MEDIA MASSA DI SAMPING MENGHENTIKAN GABUNGAN PARTI YANG MEMERINTAH SEKARANG DARIPADA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KERAJAAN SEBAIK SAJA PARLIMEN DIBUBARKAN. -- BERNAMA
2109MST 26 08 90